

BANK ISLAM MENYEMARAKKAN SEMANGAT PIALA DUNIA FIFA 2026™ DALAM KALANGAN PEMINAT MALAYSIA MENERUSI KAD-i BANK ISLAM VISA FIFA WORLD CUP 2026™ EDISI TERHAD

*Beri Peluang kepada Peminat Menyaksikan Separuh Akhir Piala Dunia FIFA 2026™
Secara Langsung, Terima Kasih Visa!*

KUALA LUMPUR, Isnin, [16 Februari 2026]: Selaras dengan persiapan dunia menjelang Piala Dunia FIFA 2026™, Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) membawa semangat kejohanan berprestij ini ke Malaysia menerusi pelancaran edisi terhad Kad Debit-i dan Kad Kredit-i Bank Islam Visa FIFA World Cup 2026™. Dibangunkan dengan kerjasama strategik bersama Visa, koleksi eksklusif ini menampilkan rekaan bertemakan kejohanan yang membolehkan para peminat membawa kehormatan Piala Dunia FIFA 2026™ ke mana sahaja.

Pelancaran ini turut menandakan satu pencapaian penting bagi Bank Islam dengan pengenalan Kad Debit-i dan Kad Kredit-i Bank Islam Visa FIFA World Cup 2026™ yang pertama dalam sejarah Bank bertepatan dengan peningkatan keterujaan dalam kalangan peminat bola sepak. Majlis pelancaran berlangsung di Kuala Lumpur baru-baru ini dan disempurnakan oleh Pegawai Bertanggungjawab dan Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan – Perbankan Runcit Bank Islam, Mizan Masram, bersama Pengurus Negara Visa Malaysia, Previn Pillay.

Kempen ini menawarkan peluang sekali seumur hidup kepada rakyat Malaysia untuk menyaksikan aksi Piala Dunia FIFA 2026™ secara langsung. Bermula 1 Mac hingga 30 April 2026, pemegang kad berpeluang untuk memenangi:

- Tiket ke perlawanan separuh akhir Piala Dunia FIFA 2026™ di Amerika Syarikat, Terima Kasih Visa!
- Tiket penerbangan pergi dan balik serta layanan hospitaliti
- Wang saku bernilai RM10,000
- Barangan eksklusif Piala Dunia FIFA 2026™ untuk 400 pemegang kad terawal

Kad edisi terhad ini direka bukan sahaja untuk peminat bola sepak tetapi juga bagi pengguna harian yang menginginkan ganjaran, kemudahan dan keselamatan. Pemegang Kad Kredit berpeluang menikmati:

Ganjaran Perbelanjaan

- Sehingga 5% pulangan tunai untuk transaksi dalam talian, bil automatik, barangan runcit, dan makan.

Pilihan Ansuran Fleksibel

- Akses kepada GoFlexi dan GoCash untuk pelan ansuran mudah.
- Pemindahan Baki 0% untuk pemegang kad baharu sehingga 30 April 2026.

Perlindungan dan Liputan

- Perlindungan Kemalangan Peribadi Semasa Perjalanan di seluruh dunia sehingga RM1 juta.
- Perlindungan Takaful untuk ketenangan fikiran tambahan.

Ciri Keselamatan Dipertingkatkan

- Amaran transaksi masa nyata.
- Keupayaan untuk membekukan kad secara serta-merta melalui perbankan dalam talian.

Mizan berkata, “Bola sepak menyatukan rakyat merentas generasi dan budaya, dan kami ingin membawa semangat hebat dan bermakna ini kepada rakyat Malaysia. Kad edisi terhad ini membolehkan pelanggan kami membawa sebahagian daripada semangat itu bersama mereka, menjadikan setiap sentuhan kad bagaikan satu langkah lebih dekat dengan kemeriahan Piala Dunia FIFA 2026™. Walaupun peminat bola sepak sememangnya akan menghargai koleksi ini, ganjaran, ciri keselamatan dan kemudahan berfokuskan digital pada kad ini mencerminkan komitmen kami untuk memenuhi gaya hidup pelanggan yang pelbagai

Beliau menambah bahawa kerjasama dengan Visa terus memainkan peranan penting ketika Bank Islam memperkukuhkan penawaran digital dan ekosistemnya, selaras dengan pembangunan ekosistem tanpa tunai yang semakin pesat di Malaysia. Selain meningkatkan pengalaman pelanggan, kerjasama ini mempercepatkan misi Bank Islam untuk membina landskap kewangan yang lebih inklusif, inovatif, dan berdaya digital bagi Malaysia.

Bank Islam mensasarkan untuk menyambut 5,000 pemegang Kad Kredit-i baharu dan 20,000 pemegang Kad Debit-i baharu sepanjang tempoh kempen ini.

“Bola sepak sentiasa menjadi sukan yang menyatukan rakyat Malaysia, dan seiring semangat Piala Dunia FIFA 2026™ yang kian memuncak, kami amat gembira dapat membantu peminat membawa semangat itu bersama mereka dalam perbelanjaan harian. Dengan lebih separuh rakyat Malaysia adalah peminat bola sepak, jelas bahawa minat ini begitu mendalam di

seluruh negara. Melalui kerjasama kami dengan Bank Islam, Visa membolehkan peminat bukan sahaja meraikan kejohanan global dan menzahirkan cinta mereka terhadap sukan bola sepak, tetapi juga membayar dengan yakin, lancar, dan selamat setiap hari,” kata Pengurus Negara Visa Malaysia, Previn Pillay.

Maklumat lanjut mengenai edisi terhad Kad Debit-i dan Kad Kredit-i Bank Islam Visa FIFA World Cup 2026™ boleh didapati bermula 1 Mac 2026. Untuk maklumat lanjut, layari laman web korporat Bank Islam di www.bankislam.com atau hubungi Pusat Perhubungan Bank Islam di 03-26 900 900 atau e-mel contactcenter@bankislam.com.my.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 100 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com untuk mendapatkan maklumat tambahan.

Mengenai Visa

Visa (NYSE: V) ialah pemimpin dunia dalam pembayaran digital, yang mempermudah transaksi antara pengguna, peniaga, institusi kewangan dan entiti kerajaan meliputi lebih daripada 200 negara dan wilayah. Misi kami ialah menghubungkan dunia menerusi rangkaian pembayaran yang paling inovatif, menyenangkan, boleh dipercayai dan terlindung, membolehkan individu, perniagaan dan ekonomi untuk berkembang maju. Kami percaya bahawa ekonomi yang merangkumkan semua insan di mana-mana, akan memperkasakan setiap insan di mana-mana dan menjadikan akses sebagai asas kepada masa depan pemindahan wang. Dapatkan maklumat lanjut di Visa.com.